

Pengistilahan Malaysia Sebagai Negara Islam Rasmi: Satu Diskusi

Terminology of Malaysia as an Official Islamic Country: A Discussion

Mohd Azhar Abdullah¹ & Muhammad Amiri Abdul Ghani²

¹ (Corresponding Author) International Language Institute, Sultan Ismail Petra Internasional Islamic College, 15730, Malaysia, e-mail: dr.har68@gmail.com

² Department of al-Quran and Hadith, Sultan Ismail Petra Internasional Islamic College, 15730, Malaysia, e-mail: amirighani@yahoo.com

ABSTRAK

Istilah negara Islam hakiki bagi negara-negara Islam moden atau “*nation state*” sukar dibuktikan secara ideal. Walaupun perundangan Islam, kuasa eksekutif di tangan orang Islam dan majoriti warganegara umat Islam, namun isu implementasi nilai Islam dalam kebanyakan negara tidak komprehensif dan sering dipertikaikan, terutama negara-negara Islam yang pernah dijajah seperti Malaysia, Pakistan dan Brunei. Dalam masa yang sama, aliran-aliran sekularisme dibenarkan bergerak secara sah melalui persatuan, institusi dan organisasi memberikan mereka ruang dan peluang untuk menggugat kedudukan Islam dalam sesebuah negara. Penulisan kualitatif ini menggunakan metodologi analisis kandungan (*content analysis*) menganalisis istilah-istilah negara Islam yang terpilih daripada *fuqahā'* silam dan semasa. Ia satu pendekatan paling mudah, tapi berkesan bagi memberikan gambaran umum tentang negara Islam, sekali gus menangkis gerakan-gerakan yang berusaha menafikan Malaysia sebagai negara Islam. Bagi mengelakkan perdebatan tanpa noktah dengan golongan ekstrem, penulis mempopularkan istilah akademik bagi negara-negara Islam berdasarkan kelayakan-kelayakan yang dirumuskan daripada istilah-istilah negara Islam kepada negara Islam rasmi, *hukmī*, *nisbī* atau *tārīkhī*. Dalam memperkukuhkan kajian ini, penulis menjadikan negara Malaysia sebagai landasan teori disebabkan ciri-ciri negara Islam amat sepadan dengannya.

Kata Kunci: Istilah; Negara Islam; Rasmi; Perlembagaan

ABSTRACT

The term Islamic state for modern Islamic states or "nation state" is difficult to be proven ideally. Even though the executive power of Islamic law is in the hands of Muslims and most Muslim citizens, the issue of implementation of Islam in most countries is not comprehensive and often disputed, especially the once colonized Islamic countries such as Malaysia, Pakistan and Brunei. At the same time, secularism is allowed to move legally through associations, institutions and

organizations have given them space and opportunity to challenge the position of Islam in a country. This qualitative writing uses content analysis methodology to analyze the terms of the Islamic country selected from past and current jurists. It is the simplest but practical approach to overview the Islamic state and rebel movements that seek to deny Malaysia as an Islamic state. To avoid endless debates with extremists, the author popularizes the academic terms for Islamic countries based on the qualifications formulated from the terms of the Islamic state, hukmī, nisbī, or tārīkhī of the Islamic state. In strengthening this study, the author makes the country of Malaysia a theoretical foundation because the characteristics of the Islamic nation are very similar to it.

Keywords: Terminology; Islamic State; Official; Constitution

1. Pendahuluan

Status Malaysia sebagai negara Islam akan terus dipertikaikan oleh pihak yang mempunyai agenda tertentu. Pihak berkepentingan akan terus berjuang hingga matlamatnya tercapai, walaupun dikemukakan pelbagai hujah. Lantaran itu, terminologi negara Islam bagi Malaysia ini perlu sentiasa diperkukuhkan disebabkan pihak-pihak yang tidak berpuas hati akan mencuri peluang daripada kelekaan. Pihak Democratic Action Party (DAP) menggunakan sidang parlimen bagi mendesak dan meminta penegasan daripada pihak kerajaan Malaysia berkenaan status negara Malaysia. *Utusan Malaysia* (2014) melaporkan Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Menteri Jabatan Perdana Menteri menjawab soalan Oscar Chai Yew (DAP-Sibu) bahawa Malaysia bukan sebuah negara sekular berdasarkan fakta sejarah penubuhan negara ini yang berasaskan kepada kerajaan Islam Kesultanan Melayu dan Raja-Raja Melayu yang merupakan ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing.

Prof. Dr. Nazmi Muslim membangkitkan suasana politik mula berubah setelah kerajaan Pakatan Harapan (PH) memenangi pilihan raya ke-14, tahun 2018. Isu-isu keistimewaan orang Melayu dan Malaysia sebagai negara Islam kembali hangat dibahaskan, lantaran pihak DAP tetap bertegas bahawa Malaysia adalah negara sekular. (Berita Harian: 2018). Aliran anti negara Islam ini bukan kecil, tetapi sebuah gerakan yang tersusun menyebarkan fahaman mereka serta merebut peluang untuk menguasai tampuk pemerintahan negara. Laman sesawang *Change.org* (2021) merekodkan beberapa contoh seruan oleh para pejuang negara sekular yang pernah diucapkan seperti “*Malaysia is secular, no doubt about it*” (YB Lim Kit Siang), “Prinsip sekular Perlembagaan Persekutuan jadi pegangan DAP” (YB Hannah Yeoh), “*Sarawak agreed to the formation of a secular Malaysia*” (YB Baru Bian). “*DAP has called on the King to refer to the Federal Court to clear the air about whether Malaysia is a secular state or*

not” (YB Gobind Singh) dan “*Malaysia is not an Islamic State*” (Tommy Thomas, Mantan Ketua Peguam Negara). Pertubuhan Pembela-Pembela Islam (PEMBELA) bertindak balas dengan membuat pungutan suara menuntut pengiktirafan Malaysia sebagai negara Islam. Sehingga tarikh artikel ini ditulis, sejumlah 141,067 sokongan berjaya mereka dikumpulkan (Pembela, 2021).

Sinar Harian (2018) melaporkan pandangan Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi bahawa perlembagaan tidak memberikan apa-apa ketetapan bahawa Malaysia negara Islam atau negara sepenuhnya sekular. Kenyataan ini membuka ruang untuk dimanipulasi oleh pihak anti negara Islam. Oleh hal demikian, kegagalan memahami istilah negara Islam akan memberikan gambaran yang salah terhadap Malaysia, sekali gus membantut usaha-usaha memperkasakan pelaksanaan Syariah dan menangkis cabaran dalaman dan luaran (Baharom Kasim & Mohd Syarul Razi, 2018).

Hakikatnya, negara Islam adalah sebuah model bagi sebuah negara yang diimpikan oleh semua makhluk di sepanjang zaman. Ini kerana, hanya Islam satu-satunya cara hidup (*al-Din*) yang menghimpunkan antara agama dan negara, mengimbangi keperluan rohani dan jasmani, menyusun hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan alam, sekali gus menjamin kemaslahatan kehidupan di dunia dan selepas mati (Haron Taib, 1979). Rasulullah SAW mengintegrasikan agama dan dunia dalam satu kepimpinan menjadikan Baginda manusia paling berpengaruh dalam sejarah dunia (Michael H. Hart, 1978). Baginda adalah manusia teragung dengan memimpin sebuah agama, mendirikan sebuah bangsa, meletakkan dasar-dasar moral, memulai gerakan pembaharuan sosial dan politik, mendirikan sebuah masyarakat yang kuat dan dinamis untuk melaksanakan seluruh ajarannya hanya dalam tempoh 23 tahun (Shaw, 1936).

2. Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menganalisis kandungan (*content analysis*) berkaitan istilah-istilah dan ciri-ciri bagi negara Islam. Pendapat-pendapat *fuqahā'* silam dan kontemporari diteliti bagi mendapat gambaran yang jelas berkaitan konseptual istilah negara Islam. Rumusan-rumusan yang diperolehi akan diselaraskan menurut konteks kedudukan Islam dalam negara Malaysia, khususnya dari sudut kependudukan, kuasa eksekutif dan perundangan yang menjadi ciri utama bagi negara Islam. Dapatan-dapatan utama hasil daripada analisis konseptual merumuskan bahawa Malaysia layak diiktiraf sebagai negara Islam rasmi yang tidak boleh dipertikaikan lagi keabsahannya.

3. Asas Diskusi dan Perbincangan

3.1 Dimensi Istilah bagi Negara Islam dalam al-Quran dan Hadith.

Istilah negara Islam terdiri daripada dua perkataan, iaitu “negara” dan “Islam” yang mengandungi konsep-konsep kenegaraan yang tersendiri. Bagi menjelaskan perkara ini, dikemukakan istilah-istilah “negara Islam” menurut ulama terdahulu dan ulama semasa berdasarkan realiti sistem politik yang berubah-ubah. Dakwaan golongan Islam moden beraliran sekular yang mengatakan Islam dan politik tiada perkaitan telah ditolak oleh al-‘Awwa (2004) dan al-Qaradawi (1993) dengan tegas menyatakan;

إِنَّ الْإِسْلَامَ الْحَقَّ كَمَا شَرَعَهُ اللَّهُ لَا يُمَكِّنُ أَنْ يَكُونَ إِلَّا سِيَاسِيًّا وَإِذَا جَرَدَتْ الْإِسْلَامُ مِنَ
السياسة فقد جعلت دينًا آخر يُمَكِّنُ أَنْ يَكُونَ بُؤْذِيَّةً أَوْ نَصْرَانِيَّةً أَوْ غَيْرَ ذَلِكَ

Terjemahan: Sesungguhnya Islam yang benar seperti yang disyariatkan oleh Allah yang tidak mungkin ianya siasah, dan apabila Islam terpisah daripada siasah, maka sesungguhnya Islam telah menjadi agama yang lain, mungkin ia agama Buddha atau Kristian atau agama yang lain.

Al-Quran dan hadith menyabitkan secara jelas perkaitan politik dan kenegaraan dalam dimensi syumul dan realiti melalui pemakaian istilah-istilah tertentu seperti istilah perjawatan: *al-Khalīfah*, *al-Mālik* dan *al-Imām*, dan istilah tanah air dan wilayah seperti *al-Balad* dan *al-Ard*. Bahkan, terdapat tiga nama surah bagi al-Quran yang berkaitan dengan kerajaan di dunia ini, iaitu surah al-Rūm, surah Sabā’ dan surah *al-Balad*. Memadailah kami bentang secara ringkas seperti di bawah.

(i). Perkataan *al-Balad* (البلد) disebut 19 kali dalam al-Quran seperti firman Allah SWT:

لَا أُقْسِمُ بِهَذَا الْبَلَدِ

Terjemahan: Aku bersumpah dengan negara ini (Mekah) (*al-Balad*, 90:1)

Maksud *al-balad* dalam ayat ini ialah Mekah. Rasulullah SAW bersumpah bagi negara Mekah kerana kemuliaannya, keberkatan, keamanan, kiblat umat Islam, haji dan umrah di dalamnya (*al-Zuhayli*: 1998).

(ii). Perkataan *al-Bilad* (الْبِلَاد) bererti negeri sebagaimana firman Allah SWT:

لَا يَغُرَّتْكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبِلَادِ ۗ۱۶

Terjemahan: Jangan sekali-kali engkau (wahai Muhammad) terpedaya oleh usaha gerakan orang-orang yang kafir di dalam negeri (yang membawa keuntungan-keuntungan kepada mereka) (Ali 'Imran: 196).

Ibn Kathīr (1999) menjelaskan al-Quran menggunakan lafaz *al-Bilad* di sini bagi memimpin Rasulullah SAW agar tidak terpesona dengan kemewahan, kekuasaan, hubungan antarabangsa dan perdagangan orang-orang Quraisy Mekah dengan negeri-negeri atau negara-negara sekitar wilayah Yaman, Syam dan Habsyah.

(iii). Perkataan *Baldah* (بَلَدَة) bererti sebuah negara. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ ۗ
بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ۗ۱۵

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: Dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun (Saba': 15).

Al-Zuhayli (1998) menghuraikan *baldataun* dalam ayat di atas ditujukan kepada kerajaan kaum Saba' di Yaman, kotanya Ma'rib. Negara ini pernah mencapai kemewahan daripada limpahan keberkatan Allah SWT. Namun, tamadunya ditenggelamkan melalui banjir al-'Arim akibat dosa dan lupa daratan yang berlaku sekitar tahun 445-447M, lebih kurang 400 tahun sebelum kebangkitan Rasulullah SAW.

(iv). Perkataan *al-Dār* (الدَّار) sebagaimana firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ
حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

Terjemahan: Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat (al-Hashr: 9).

Al-Dār di sini merujuk kepada negara Hijrah atau kota Yathrib yang sebelumnya didiami oleh dua kaum peribumi; Aus dan Khazraj. Selepas itu, Rasulullah SAW menukarnya kepada al-Madinah al-Munawwarah dan menyatukan kedua-dua kaum tersebut dengan istilah *al-Ansar* (al-Qurtubi, 1999; Ibn Kathīr, 1999).

(v). Perkataan *al-Ard* (الأرض) sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

الدَّجَالُ يُخْرُجُ مِنْ أَرْضٍ بِالْمَشْرِقِ يُقَالُ لَهَا: خُرَّاسَانُ

Terjemahan: Dajjal bakal muncul di bumi sebelah Timur dipanggil Khurasan.

[*Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith: 2237. Al-Arnaut menilai sanad hadith ini sahih]

Al-Amir (2011) dan al-Mubārakfūrī (t.th) menghuraikan maksud *al-Ard* dalam hadith di atas merujuk kepada dua wilayah; Khurasan atau Asfahan.

3.2 Maksud Negara dan Sorotan Penggunaan Istilah Negara

Abdul Monir Yaacob (2002) mengumpulkan beberapa takrif negara dan memberikan ulasannya bahawa negara ialah sebuah institusi, iaitu satu sistem perhubungan yang ditubuhkan oleh manusia sebagai cara untuk mencapai tujuan tertentu, dan yang paling penting ialah sistem pemerintahan di mana aktiviti mereka boleh dilakukan.

Penulisan ulama silam tidak mengaitkan negara dengan istilah-istilah khusus, tetapi mereka lebih cenderung menggunakan istilah *al-dār* ketika

memberikan status sesebuah negara dan hubungannya seperti *dār al-Islam*, *dār al-Harbi*, *dār al-'Ahd*. 'Atiyyah Saqar (1997) menukilkan daripada kitab *Bayan lil al-Nās* bahawa pembahagian negara kepada negara kafir dan Islam adalah urusan ijtihad berdasarkan realiti semasa pada zaman ulama *mujtahidin*. Tiada di sana suatu nas daripada al-Quran atau sunnah berhubung masalah ini.

'Arif Khalil (1996) menukilkan penjelasan Imam Abu Hanifah bahawa pembahagian negara Islam dan negara kafir bukan bertujuan pemecahan duniawi kepada dua sistem Islam dan kafir. Pembahagian ini bertujuan menentukan hubungan, keselamatan dan keamanan umat Islam yang berada di dalam sesebuah negara, sekali gus bukan mempromosikan sikap umat Islam yang prejudis atau rasis, apatah lagi menganjurkan permusuhan tanpa sebab yang konkrit (Mohd Rumaizuddin, 2004).

Selepas berakhir zaman pemerintahan *Khulafa' al-Rashidin*, istilah *daulah* (دَوْلَة) mula berkembang dengan penulisan kitab-kitab yang menyentuh politik Islam (*al-siyasah al-shar'iyah*) dan hukum-hakam kenegaraan (*al-ahkām al-sultaniyyah*) pada akhir zaman kerajaan Umawi (الدَّوْلَة الأُمَوِيَّة) dan Abbasiah (الدَّوْلَة العَبَّاسِيَّة). (al-Zuhayli, 1989; al-Shuhud, t.th)

Perbahasan dan diskusi ilmiah tentang konsep negara Islam mula ditiupkan ke dalam dunia pemikiran umat Islam pada akhir abad ke-18 yang dipelopori oleh Jamal al-Din al-Afghani (1838M-1897M). Pengajian *fiqh* berkaitan negara Islam mula dihangatkan pada tahun 1946, terutama dengan terbitnya kitab *al-Khilāfah* karangan al-Sanhuri, kemudian kitab *al-Hukūmah al-Islamiyyah wa Wilayah al-Fiqh* karangan al-Khumaini. Perbincangan konsep negara Islam mula meluas dan menjadi isu serta topik setelah kerajaan Shah Iran digulingkan tahun 1979. Gerakan ini mendapat dokongan daripada golongan pemuda-pemudi yang dinamakan "pemulihan negara Islam". Namun, umat Islam ketika ini masih keliru tentang konsep negara Islam (Ruzman, 1995).

Sebelum itu, para sarjana Islam mula memberikan tumpuan kepada istilah-istilah dan konsep bagi negara pada awal abad ke-19. Kehangatan diskusi isu ini tampak ketara pada pertengahan abad ke-19, sehingga timbul beberapa istilah baru untuk disesuaikan dengan konsep negara Islam moden seperti *Daulah Islamiyyah*, *Bilād Islamiyyah*, *Wilāyah Islamiyyah* dan *Hukūmah Islamiyyah* (Abdul Aziz, 2000).

3.2.1 Istilah Negara Islam di Sisi Ulama Silam

Perbincangan ulama besar pada zaman *mujtahidin* menumpukan konsep negara Islam. Mereka tidak memperincikan takrif khusus bagi negara Islam. Al-Zuhayli (1989) menjelaskan kenapa berlaku sedemikian disebabkan ulama *mujtahidin* tidak meletakkan satu teori umum bagi negara yang menjelaskan asas-asasnya dari sudut konseptual dan pengaplikasian. Mereka memberikan solusi-solusi dan mengemukakan pendapat-pendapat berdasarkan realiti yang terjadi, sebagaimana kelaziman bagi permasalahan-permasalahan *fiqh* Islam. Al-Burnu (2003) menukulkan takrif yang paling minimum bagi negara Islam ialah takrif yang disebutkan oleh Imam Abu Hanifah (W. 150H) iaitu:

دَارُ الْإِسْلَامِ اسْمٌ لِلْمَوْضِعِ الَّذِي يَكُونُ تَحْتَ يَدِ الْمُسْلِمِينَ وَيَأْمُنُونَ فِيهِ عَلَى أَنْفُسِهِمْ

Terjemahan: Negara Islam ialah satu istilah bagi tempat tinggal (negara) yang berada di bawah pemerintah orang Islam dan umat Islam mendapat keamanan ketenteraman di dalamnya.

Al-Kasani (1986) mengulas bahawa Imam Abu Hanifah berpandangan ciri-ciri negara Islam bukan merujuk kepada Islam atau kufur semata-mata, tetapi melihat kepada keamanan dan ketenteraman. Jika keamanan memihak kepada umat Islam, dan pada masa yang sama unsur ketidaktenteraman memihak kepada orang kafir, maka negara tersebut dikira negara Islam. Jika sebaliknya, maka negara tersebut dianggap bukan negara Islam. Namun dua murid besar Imam Abu Hanifah iaitu Abu Yusuf (W. 183H) dan Muhammad bin al-Hasan (W. 189H) mensyaratkan bahawa syariah Islam wajib dilaksanakan di dalam negara Islam dan tidak memadai didiami penduduk umat Islam semata-mata dan mendapat keamanan di dalamnya (Al-Sarkhasi, 1993; 'Arif Khalil, 1996).

Zakariya al-Ansari (t.th), Ibn Hajar al-Haytami (1993) dan al-Khatib al-Sharbini (1994) menukulkan kesepakatan ulama mazhab Syafii mengenai takrifan negara Islam:

أَنْ يَسْكُنَهَا الْمُسْلِمُونَ وَإِنْ كَانَ فِيهَا أَهْلٌ ذِمَّةً أَوْ كَانَتْ لِلْإِسْلَامِ بِأَنْ فَتَحَهَا الْمُسْلِمُونَ
وَأَقْرَبُهَا بَيْدِ الْكُفَّارِ أَوْ كَانُوا يَسْكُنُونَهَا ثُمَّ جَلَّاهُمْ الْكُفَّارُ عَنْهَا

Terjemahan: Negara yang didiami oleh orang-orang Islam, meskipun bersamanya ahli *dhimmah*. Atau, negara bagi Islam, iaitu negara yang dibuka oleh orang Islam dan orang-orang Islam mengekalkan pemerintahan bagi orang-orang kafir. Atau, mereka mendiami bersama mereka, kemudian dijajah oleh orang kafir.

Hal ini bermaksud, negara Islam ialah sebuah negara yang pernah dikuasai oleh umat Islam. Status tersebut terus kekal dari sudut *fiqh*, walaupun selepas itu negara tersebut dikuasai oleh orang bukan Islam. Dalam takrifan yang lain juga, sesebuah wilayah yang didiami oleh umat Islam, walaupun ada bersama mereka ahli zimmi, atau wilayah yang dibuka oleh tentera Islam tetapi dibiarkan berada di tangan bukan Islam, atau orang bukan Islam tinggal bersama orang Islam kemudian mereka diusir oleh orang bukan Islam daripada wilayah tersebut, wilayah tersebut tetap disebut sebagai wilayah Islam.

Al-Baghdadi (W. 429H) yang bermazhab Syafie mentakrifkan negara Islam ialah satu wilayah yang zahir padanya dakwah Islam oleh umat Islam tanpa perlu kawalan, atau jaminan keselamatan atau bayaran *jizyah*, orang Islam juga mempunyai kekuasaan ke atas ahli *zimmah* sekiranya ada golongan tersebut, dan ahli bidaah tidak dapat mengalahkan ahli sunnah di dalam negara tersebut (al-Tariqi, 1993).

Al-Dusuqi (2003) mengemukakan istilah negara Islam bagi mazhab Malik adalah:

ما كانت للمسلمين وأقيمت فيها شعائر الإسلام أو أكثرها حتى وإن استولى عليها الكفار

Terjemahan: Negara di bawah tangan orang-orang Islam, Syariah Islam dilaksanakan di dalamnya atau kebanyakannya, meskipun orang-orang bukan Islam menguasai ke atas umat Islam.

Ibn Muflih mentakrifkan negara Islam sebagai setiap negara yang dikuasai perundangan Islam maka wilayah tersebut dikira negara Islam (al-Tariqi, 1993). Manakala Ibn Qayyim (1997) pula memberi takrif:

دَارُ الْإِسْلَامِ هِيَ الَّتِي نَزَلْنَا الْمُسْلِمُونَ وَجَرَتْ عَلَيْهَا أَحْكَامُ الْإِسْلَامِ وَمَا لَمْ يَجْرَ عَلَيْهِ أَحْكَامُ الْإِسْلَامِ لَمْ يَكُنْ دَارَ إِسْلَامٍ وَإِنْ لَاصَقَهَا

Terjemahan: (Pendapat jumhur): Negara Islam adalah negara yang di bawah penguasaan orang-orang Islam dan Islam dan hukum-hukumnya dilaksanakan ke atasnya. Selagi tidak dilaksanakan hukum-hukum Islam ke atasnya, maka ia bukan negara Islam, meskipun ia menempelkannya.

Pendapat Ibn Qayyim ini agak ketat dengan mensyaratkan pelaksanaan hukum-hukum Islam, bahkan jika perundangan Islam tidak terlaksana sepenuhnya, negara itu tidak layak diistilahkan sebagai negara Islam, meskipun telah melaksanakan sebahagian Syariah. Beliau dengan tegasnya mendakwa takrifan ini sejajar dengan pendapat jumhur ulama.

3.2.3 Istilah Negara Islam Menurut Ulama Semasa

Terdapat tiga definisi negara Islam yang banyak menarik perbincangan ulama yang kami pilih sebagaimana di bawah:

(i). Muhammad Abu Zahrah (W. 1974M) (1995):

الدَّوْلَةُ الَّتِي تَحْكُمُ بِسُلْطَانِ الْمُسْلِمِينَ وَتَكُونُ الْمَنْعَةُ وَالْقُوَّةُ فِيهَا لِلْمُسْلِمِينَ

Terjemahan: Iaitu *daulah* di bawah pemerintahan umat Islam, di mana kekuasaan dan kekuatan di dalam negara berada di bawah umat Islam.

Pandangan Abu Zahrah di atas melihat kepada penguasaan umat Islam yang zahirnya selari dengan pandangan Sa'id Hawwa (1993) yang menyatakan bahawa negara Islam ialah sebuah negara yang kekuasaannya di tangan orang Islam dan negara *harbi* pula ialah sebuah negara yang kekuasaannya di tangan orang kafir.

(ii). Prof. Dr. 'Abd al-Karim Zaydan (W. 2014M) (1965):

دَوْلَةٌ فِكْرِيَّةٌ تُقَوْمُ عَلَى أَسَاسِ الْعَقِيدَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ وَمَا انْبَتَقَ عَنْهَا مِنْ أَحْكَامٍ وَنِظَامٍ

Terjemahan: Sebuah negara pemikiran yang didasari oleh akidah. Daripada akidah itu terbitnya pelbagai hukum dan peraturan.

Al-'Awwa (2006) dan al-Zuhayli (1989) mengemukakan takrifan dan pandangan yang hampir sama dengan Zaidan di atas. Mereka berpendapat bahawa negara Islam hari ini ialah sebuah kerajaan yang mendokong keimanan kepada Allah SWT dan hari Akhirat, terlaksana di dalamnya undang-undang yang terbit daripada Syariat Islam dan berkembang sejajar dengan kemajuan semasa.

(iii). Abu 'A'la Al-Mawdudi (W. 1979M)

Al-Mawdudi (1404H) pula mendefinisikan sebuah negara yang berada di bawah kuasa mutlak Allah SWT yang menentukan Syariah-Nya berdasarkan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Ia bercorakkan teo-demokrasi yang tergabung di dalamnya autoriti mutlak kepada Allah SWT dan penyerahan autoriti yang terbatas di dalam pelaksanaan urusan negara yang diakui syarak.

Mohd Rumaizuddin (2004) mengulas definisi al-Mawdudi ini menggunakan pendekatan mengislamisasikan sistem demokrasi Barat di negara-negara umat Islam ketika ini. Beliau mengemukakan model negara

Islam sebagai negara ideologi (*ideological state*), iaitu penegakan negara di atas prinsip-prinsip moral tertentu yang bebas dari semua ikatan kebangsaan dan ras perkauman. Negara pemikiran ialah sebuah negara yang menekankan soal kesedaran daripada idea-idea yang dipegang secara umum dan demokrasi yang tunduk kepada sistem kenegaraan Islam. Ia berbeza sama sekali dengan konsep demokrasi Barat yang mempunyai kuasa untuk menentukan segala-galanya dan bersifat negara kebangsaan (*nation state*) yang berpegang kepada ikatan darah, bahasa, adat-istiadat dan sejarah.

Al-Mawdudi antara tokoh menonjol pada tahun 1940-an menyebarkan pemikiran tentang konsep negara Islam moden dalam usaha mengemukakan solusi-solusi semasa mendepani sistem sekular Barat yang sedang menguasai sistem negara umat (Ruzman, 1995).

3.2.3 Analisis Perselisihan Ulama Terhadap Istilah Negara Islam

Al-Zuhayli (1989) menjelaskan terdapat sedikit perbezaan antara istilah *dar al-Islam* (دَارُ الْإِسْلَامِ) dengan *al-daulah al-Islamiyyah* (الدَّوْلَةُ الْإِسْلَامِيَّة). Kedua-dua istilah ini saling berkait antara kedua-duanya. Namun, istilah *dar al-Islam* tertumpu kepada asas-asas fizikal (العُنْصُرُ الْمَادِيّ), iaitu rakyat, tanah air dan iklim negara Islam. Manakala istilah *al-daulah al-Islamiyyah* membahaskan sifat kedaulatan (السِّيَادَةُ) seperti kemerdekaan, perundangan, kebebasan dan hak-hak asasi manusia. Istilah *dar al-Islam* digunakan secara meluas dalam kitab-kitab *fiqh*, serta memberikan maksud bertentangan bagi *dar al-harb*, *dar al-'ahd* dan *dar al-musta'man* ('Abd al-Karim, t.th).

Negara Islam memiliki istilah yang mantap yang dapat dibezakan dengan negara bukan Islam. Secara prinsipnya, negara Islam hendaklah ada perkaitan dan hubungan dengan Islam, sama ada negara yang dipimpin oleh orang-orang Islam, atau perundangan Islam berkuat kuasa di dalamnya meskipun negara itu diserahkan pentadbirannya kepada bukan Islam. Ulama hanya berselisih dalam menentukan sejauh mana hubungan-hubungan Islam dengan pelaksanaannya dalam negara.

Antara sebab yang jelas terjadi perselisihan ialah perbezaan konsep asas kepada penilaian negara Islam. Majoriti ulama melihat kepada kemungkinan Syariah Islam untuk dilaksanakan. Sementara sebahagian yang lain melihat kepada tahap keamanan umat Islam dalam sesebuah negara. Manakala pendapat ketiga pula menegaskan kewajipan Islam dilaksanakan secara nyata dalam negara.

Jumhur ulama silam dan semasa berpendapat bahawa sudah memadai bagi syarat minimum pengiktirafan sebagai negara Islam jika negara itu mempunyai peluang dan ruang yang cukup untuk menegakkan Islam, walaupun Islam tidak dilaksanakan, tetapi majoriti warganegara beragama

Islam atau kuasa eksekutif pemerintahan berada di pihak umat Islam. Adapun mengimplementasikannya secara realiti dalam negara merupakan persoalan kedua yang tidak menjejaskan status keislaman negara disebabkan ia berkaitan tindak-tanduk pemimpin Islam yang boleh jadi mukmin, fasiq atau zalim. Pendapat ini begitu jelas dapat diteliti daripada istilah-istilah silam dan semasa seperti mazhab empat dan Abu Zahrah, Zaydan dan al-Qaradawi.

Manakala pendapat ulama kedua menekankan keperluan pelaksanaan Islam dalam negara secara realiti atau sekurang-kurangnya agama Islam mempunyai kedaulatan mutlak dalam negara bagi memberikan jaminan rasmi secara perundangan untuk pelaksanaan Islam. Selagi kuasa mutlak Allah SWT bersekutu dengan kuasa manusia, negara itu belum beriman daripada sudut akidahnya. Pendapat ini ditekankan oleh Ibn Qayyim dan al-Maududi.

Berdasarkan rumusan 'Arif Khalil (1996) dan Mohamed Azam (2006) yang membincangkan pendapat Abu Zahrah, al-Qaradawi, al-Zuhayli dan al-Buti mengenai konsep negara moden di sisi pandangan majoriti ulama semasa bahawa sesebuah negara layak diistilahkan sebagai negara Islam apabila memenuhi syarat-syarat berikut;

- (i) Pemerintahan atau kekuasaan utama negara berada di tangan orang Islam. Kekuasaan ini sama ada kuasa eksekutif yang memberikan peluang pelaksanaan Syariah, atau perlembagaan negara dan undang-undang utama menyediakan ruang yang cukup bagi pelaksanaan Islam.
- (ii) Majoriti penduduk adalah umat Islam atau umat Islam berkemampuan atau mempunyai peluang besar untuk menegakkan syariah Islam
- (iii) Penduduk umat Islam minoriti, tetapi persekitaran di dalam negara dikuasai Syariah Islam, walaupun majoriti penduduknya bukan Islam. Maksud istilah majoriti dan minoriti di sini boleh diukur dengan peratusan warganegara tetap atau bumiputera kerana mereka mempunyai hak-hak yang sempurna dalam negara. Standard majoriti apabila lebih 51% warganegara beragama Islam, standard bagi kebanyakan pula adalah 36-50% dan standard minoriti pula apabila kurang dari 33% warganegara Islam dalam negara.
- (iv) Syariah Islam boleh diamalkan secara terbuka di dalam negara, tanpa sekatan undang-undang atau larangan pihak berkuasa dan dakwah boleh digerakkan tanpa kebimbangan dan ketakutan.
- (v) Negara pernah dikuasai umat Islam, tetapi telah dijajah dan dikuasai oleh orang kafir.

Al-Khatib al-Sharbini (1994) dan Ibn Hajar al-Haytami (1983) berpendapat:

ولو غلب الكُفَّارُ على بِلَدَةٍ يَسْكُنُهَا الْمُسْلِمُونَ كَطَرَسُوسَ لَا تَصِيرُ دَارَ حَرْبٍ

Terjemahan: Jika orang kafir menguasai negara yang didiami orang Islam seperti Tarsus, tidak menjadi negara *harb*

Namun, al-Dusuqi (2003) menegaskan status negara Islam gugur apabila syariah Islam telah dihapuskan oleh penjajah.

4. Rumusan dan Dapatan Kajian

4.1: Istilah-Istilah Ilmiah Terhadap Negara-negara Islam Moden

Negara Islam secara hakiki sebagaimana gambaran umum pada zaman Rasulullah SAW dan *Khulafa al-Rashidin* sukar dibuktikan secara ilmiah di zaman moden ini disebabkan reka bentuk negara-negara Islam di dunia hari ini bersifat “*nation state*”. Sesiapa yang berani mengistilahkan sebuah negara Islam hakiki, pasti pendapat tersebut akan diperdebatkan. Seseorang sarjana di Malaysia berpendapat tiada lagi negara Islam yang ideal zaman moden ini, kecuali negara Islam rasional atau *hukmi* sahaja. Atas sebab yang demikian, sebahagian sarjana mengelak daripadanya dengan memberikan istilah-istilah umum seperti “*Negara Umat Islam*” bukan “*Negara Islam*” atau “*masyarakat orang Islam*” bukan “*masyarakat Islam*” kerana realitinya kebanyakan masyarakat beragama Islam dalam negara Islam tidak menghayati Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh (Zakaria Stapa, 1994). Oleh sebab itu, sebagai satu pendekatan ilmiah, penulis menisbahkan status negara-negara Islam kepada istilah akademik seperti “*negara Islam rasmi*”, “*negara Islam hukmi*” dan “*negara Islam tarikhi*” (Haikal, 1996).

Dalam konteks negara moden sekarang, negara-negara Islam dapat dikenal dengan mudah melalui penyertaan sesebuah negara dalam Pertubuhan Kerjasama Islam atau OIC (منظمة المؤتمر الإسلامي: *Organisation of Islamic Cooperation*). OIC ialah satu pertubuhan antarabangsa bagi kalangan negara-negara Islam yang mempunyai delegasi tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diasaskan pada 25 September 1969 di Rabat, Morocco. Organisasi ini menggabungkan 57 negara-negara Islam seluruh dunia dan 5 buah negara pemerhati (Britannica, 2021; OIC, 2021).

Secara ringkasnya, terdapat empat status bagi negara Islam zaman sekarang berdasarkan kriteria-kriteria kuasa eksekutif utama negara (kedaulatan politik), kuasa perundangan negara, khususnya perlembagaan negara (kedaulatan undang-undang), jumlah penduduk beragama Islam dan persejarahan iaitu:

(i). **Negara Islam Rasmi.** Kuasa eksekutif utama negara berada di tangan orang Islam, mempunyai kuasa perundangan yang cukup bagi pelaksanaan Islam dan majoriti warganegara beragama Islam seperti Malaysia, Arab Saudi, Mesir, Pakistan dan Brunei.

Sebagai penegasan kepada kenyataan ini, penulis menjelaskan Perlembagaan Pakistan memperuntukkan dalam Perkara 1 bahawa Pakistan hendaklah dikenali sebagai Republik Islam Pakistan. Manakala Perkara 2 pula menyatakan bahawa Islam adalah sebagai agama rasmi negara. Pada tahun 1985, Objektif Resolusi yang terkandung dalam pendahuluan Perlembagaan telah dijadikan peruntukan substantif dengan memasukkan peruntukan baru iaitu Perkara 2A. Peruntukan ini menyatakan semua undang-undang yang dibuat mestilah bersesuaian dengan al-Quran dan al-Sunnah. Perkara 3A Perlembagaan pula menyatakan pembentukan Mahkamah Persekutuan Syariah (*Federal Shariat Court*) yang menyemak mana-mana undang-undang atau peruntukan yang bertentangan dengan injunksi Islam (Mahir Hujah, 2009).

(ii). **Negara Islam Hukmi.** Kuasa eksekutif utama berada di tangan orang Islam, tetapi kuasa perundangan dan kedaulatan undang-undang tidak cukup kuat untuk membolehkan pelaksanaan Islam, walaupun majoriti rakyat beragama Islam seperti Turki. 95% penduduk Turki adalah beragama Islam, kuasa utama pemerintahan negara di bawah kekuasaan umat Islam, tetapi malangnya perlembagaan Turki masih lagi sekular. Mustafa Kamal Artartuk memerintah dari tahun 1918 hingga 1934 telah membuat perubahan Perlembagaan dan mengisytiharkan Turki negara moden, demokrasi dan sekular. Islam hanya dalam amalan keperibadian nikah kahwin (Muhammad Khalis & Asyikin: 2020).

(iii). **Negara Islam Nisbi.** Iklim dan persekitaran Islam tidak terzahir dalam negara dan Syariah Islam tidak dilaksanakan kerana ketiadaan kedaulatan undang-undang Islam dan politik yang bersepadu, akan tetapi umat Islam menjadi sebahagian besar warganegara seperti Albania.

Bancian 2011 mencatatkan 60% penduduk Albania beragama Islam. Kajian tahun 2010 melaporkan Albania adalah salah satu negara yang telah hilang syiar Islam. Hanya 39% sahaja berpendapat agama penting dalam kehidupan. Hal ini disebabkan, setelah merdeka dari Kesultanan Uthmaniyah pada tahun 1912, pemerintah Albania dari tahun 1912 hingga 1945 tidak menetapkan agama rasmi dan melemahkan peranan ulama dan Islam dalam kehidupan. Pada zaman komunis, pemerintah melarang praktik agama dengan ancaman hukuman penjara, menghancurkan tempat-tempat ibadah, dan menyatakan Albania sebagai negara ateis pertama di dunia. Hasilnya, setelah kejatuhan komunisme pada tahun 1991, sebahagian besar penduduk


Albania hanya Islam pada nama sahaja, sementara dalam kehidupan sehari-hari mereka ateis. Proses islamisasi baru bermula awal tahun 1990-an melaporkan masjid sentiasa berkunci, suasana suram dan kehidupan mereka cara barat (Herdi Sahrasad, 2017; Berita Harian, 2015).

(iv). Negara Islam *Tarikhi*. Negara pada asal adalah tanah air umat Islam akan tetapi terus dijajah sehingga kini. Umat Islam menjadi warganegara minoriti dan Syariah Islam tidak mampu diamalkan secara syumul sama sekali seperti Singapura, dan Wilayah Pattani.

Sebagai huraian, Singapura asalnya sebuah negeri di bawah Persekutuan Malaysia. Tetapi Singapura keluar daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965. Perlembagaan Republik Singapura 1965 membentuk sebuah negara berperlembagaan sekular. Menurut bancian 2020, umat Islam menjadi penduduk minoriti dengan lebih kurang 14.7% saja yang kebanyakannya dari bangsa Melayu. Umat Islam Singapura dibenarkan mengamalkan Islam dalam konteks *personal law* sahaja (Rohmatul Nur Zaenab, 2019; Wan Zailan & Ahmad Zuhdi, 2017). Malahan, akhbar *Mediacorp* (2020) melaporkan bahawa 20% rakyatnya tidak berpegang kepada mana-mana agama.

Berdasarkan *fiqh al-Waqi'*, pengistilahan negara Islam *tarikhi* hanyalah istilah *fiqh* semata-mata yang tidak wujud dalam dunia realiti negara Islam moden. 57 buah negara-negara Islam kini telah bergabung di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Rajah 1: Negara Islam OIC



(Sumber: Pertubuhan Kerjasama Islam, 2021)

Berdasarkan rajah di atas, dalam sistem kenegaraan moden kini dan hubungan keantarabangsaan, negara-negara Islam *tarikhi* tidak menjadi anggota bagi kesatuan rasmi Islam seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Lantaran itu, negara Islam *tarikhi* tidaklah boleh dimasukkan dalam istilah negara Islam dalam konteks semasa.

4.2 Pendapat Sarjana Malaysia Sebuah Negara Islam

Ilmuwan di Malaysia berselisih kepada dua pendapat apakah negara Malaysia layak diiktiraf sebagai negara Islam atau tidak. Sebab utama pertembungan dua pandangan ini ialah sama ada merujuk kepada teks perundangan yang bertulis, terutama Perlembagaan atau melihat kepada amalan tafsiran terhadap undang-undang, khususnya Perlembagaan.

Pandangan pertama: Malaysia sebuah “negara sekular bercirikan Islam” atau “perlembagaan beragama”. Hujahannya, berdasarkan Perkara 3(1) Perlembagaan memperuntukkan agama Islam sebagai agama rasmi dengan tafsiran dalam skop istiadat ritual sahaja. Pada awalnya pandangan ini didukung oleh tahap kefahaman tentang hubungan agama dan negara yang diserapi ideologi Barat dan semangat politik kepartian. Pandangan ini sangat berpengaruh sejak awal merdeka hingga tahun 90-an; bermula sejak zaman Tunku Abdul Rahman sehingga Tun Husein Onn. Penegasan ini kali pertama dibuat secara rasmi oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri kepada Parlimen pada 1 Mei 1958:

“Saya ingin memberitahu secara jelas bahawa negara ini bukan negara Islam kerana ia secara umumnya difahami bahawa Islam hanya diperuntukkan menjadi agama rasmi negara”

Tunku Abdul Rahman mengulangi pendirian sama semasa perhimpunan ulang tahun ke-80 dengan mengemukakan alasan bahawa negara ini memiliki penduduk berbilang kaum dengan pelbagai kepercayaan. Malaysia mesti terus kekal sebuah negara sekular dengan Islam sebagai agama rasmi.

Manakala tafsiran Perkara 3(1) secara perundangan pula direkodkan ketika mana Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas memutuskan dalam kes Che Omar Soh *lawan* Pendakwa Raya (1998) 2 MLJ 55;

“Agama Islam dalam Perkara 3(1) hanyalah bersifat peribadatan dan upacara rasmi sahaja .. Kita perlu mengetepikan pandangan peribadi kita kerana undang-undang negara ini masih sama pada hari ini, undang-undang sekular, di mana moral tidak diterima oleh undang-undang untuk memperoleh status perundangan.”

Tafsiran di atas menunjukkan sifat Islam yang asli telah dipisahkan atau dikerat daripada kesyumulannya kepada kefahaman yang sempit, ritual dan kekeluargaan sahaja.

Pandangan kedua: Malaysia negara Islam berdasarkan fakta kuasa-kuasa Perlembagaan Persekutuan secara bertulis tanpa melihat kepada tafsiran daripada pengamal undang-undang. Dr Shukeri Mohamad (t.th) menjelaskan pandangan kedua ini mula berkembang selepas tahun 90-an. Ia berkemungkinan besar sebagai strategi baru UMNO menghadapi tentangan PAS dalam meraih sokongan umat Islam pada ketika itu. Tun Dr. Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebuah negara Islam pada 29 September 2001 semasa merasmikan Persidangan Kebangsaan Perwakilan Gerakan: “*Umno ingin menyatakan dengan jelas bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.*”

Beberapa tokoh seperti Dato' Sri Hamid Othman, iaitu Penasihat Khas Agama Perdana Menteri Malaysia, Dato Haji Nakhae Hj Ahmad (Yang Dipetua YADIM), Wan Zahidi Wan Teh (Pegawai Unit Penerangan Khas Kementerian Penerangan Malaysia), Dato' Dr. Ismail Ibrahim (Pengaruh IKIM) dan Ustaz Othman al-Muhammadi (Fellow Kehormat IKIM) menjadi individu-individu utama dalam kajian ini telah mengemukakan teori Malaysia negara Islam berdasarkan empat hujahan utama sebagaimana di bawah;

- (i) Perkara 3(1) Perlembagaan; *Agama Islam ialah agama rasmi bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.* Tidak siapa menafikan bahawa tiada apa-apa peruntukan secara bertulis memberikan maksud dan kehendak sebenar Agama Islam. Ini menunjukkan tafsiran Agama Islam dalam Perkara 3(1) masih terbuka dan boleh ditakrif sebagai “*Cara Hidup*” menyeluruh.
- (ii) Perkara 32, Perlembagaan yang meletakkan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan adalah Yang Dipertuan Agong yang mengambil keutamaan dan mengatasi segala orang dalam Persekutuan. Pada dasarnya Yang Dipertuan Agong daripada bangsa Melayu dan beragama Islam yang memberikan kuasa tertinggi ketua Islam dalam negara Malaysia.
- (iii) Begitu juga Raja dan Sultan di negeri-negeri yang beraja ialah ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Sultan juga diberikan kuasa melantik Ketua Negeri masing-masing.
- (iv) Perkara 39 dan 43 Perlembagaan memberikan kuasa yang cukup bagi Yang Dipertuan Agong melantik Perdana Menteri dan Perdana Menteri pula berkuasa memilih Jemaah Menteri. Kuasa-kuasa ini memadai bagi mengawal dan menjamin pelaksanaan Syariah Islam dan kesejahteraan umat Islam.

- (v) Tafsiran perundangan (*judicial*) yang baru dan lebih jelas membuktikan bahawa maksud Islam agama rasmi dalam Perlembagaan adalah lebih luas. Tun Hashim Yeop Abdullah (1980) menegaskan;

Saya menentang keras pendapat ini (Sheriden dan Groves) kerana tidak berdasarkan apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan dan ini ialah satu tafsiran berjiwa Crusader. Oleh sebab Perkara 3 Perlembagaan itu sangat jelas dan tidak boleh diputar belit lagi bahawa agama Negara ialah Islam maka mana-mana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan di antara dokumen ciptaan manusia (Perlembagaan) dengan perintah Allah (al-Quran dan al-Sunnah) tidak boleh dipakai

Lebih menarik, beberapa kes mutakhir ini, Mahkamah Persekutuan telah memberikan pentafsiran yang segar dan luas berkaitan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan ini dan bidang kuasa agama bagi negeri-negeri. Dalam kes *Meor Atiqurrahman lwn. Fatimah Sihi* (Mahkamah Tinggi) [2000] 5 MLJ 375, *Latifah Mat Zain lwn Rosmawati Sharibuun* (Mahkamah Persekutuan), *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* (Mahkamah Persekutuan) [2007] 1 MLRA 359, *Sulaiman Takrib lwn Kerajaan Negeri Terengganu; Kerajaan Malaysia (Intervener) & Other Cases* (Mahkamah Persekutuan) [2008] MLRA 257; *Menteri Dalam Negeri & Ors lwn Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur* [2013] 6 MLRA 8 boleh dijadikan asas yang kukuh bagi melonjakkan Islam secara umum, dan secara khususnya mengangkat wibawa dan martabat undang-undang jenayah Syariah.

Dalam kes *Sulaiman Takrib*, [2009] 2 CLJ 54, Mahkamah Persekutuan memutuskan frasa “*precepts of Islam*” di dalam Item 1, senarai Negeri bermakna “perintah agama Islam” bukan “Rukun Islam”. Oleh itu Dewan Undangan Negeri berkuasa untuk menggubal undang-undang bagi mewujudkan kesalahan melanggar ‘perintah agama Islam’ bukan sekadar kesalahan melanggar rukun Islam.

4.3 Malaysia Negara Islam Rasmi.

Artikel ini menegaskan bahawa pengistilahan Malaysia negara Islam rasmi sesuatu yang ideal dan ilmiah. Apa yang dimaksudkan dengan istilah “rasmi” di sini adalah:

- (i) Islam diberikan hak-hak yang cukup dan secara sah di sisi perundangan negara untuk dilaksanakan. Ia bukan bersifat “ritual” yang terbatas dalam kerangka upacara rasmi dan *personal law*.

- (ii) Islam wujud dalam roh dan jasad negara Malaysia yang menjadikan Islam itu hidup dan bergerak menurut takat bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya
- (iii) Islam dikurniakan kedaulatan dan diberikan keutamaan dalam negara ini berbanding agama-agama lain.

Pemilihan istilah Malaysia sebagai negara Islam Rasmi adalah berdasarkan rumusan daripada perbincangan sebelumnya yang diringkaskan sebagaimana berikut:

- (i) Malaysia belum melaksanakan Islam secara komprehensif. Dato' Prof. Dr. Mahmood Zuhdi Hj Abd. Majid (1997) membuat penegasan bahawa negara Islam secara ideal tidak ada sekarang. Yang ada sekarang ialah negara Islam menurut rasional sahaja. Malaysia negara Islam hanya bersifat pengiktirafan sahaja, sedangkan pelaksanaan syariah Islam dalam negara masih jauh. Hal yang sama ditegaskan dalam rumusan penting bagi muzakarah 60 pakar yang terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai jabatan agama dan jabatan kerajaan, pakar akademik serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berpendapat bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, walaupun tidak semua prasyarat atau kriteria negara Islam seperti mana digariskan ulama dipenuhi (Mstar, 2013).
- (ii) Para *fuqaha* menetapkan istilah negara Islam sudah memadai dengan kekuasaan utama negara di tangan umat Islam dan undang-undang utama negara memberikan ruang yang cukup untuk mendaulatkan Islam dalam negara.
- (iii) Kedaulatan Undang-Undang Islam. Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 3(1) Islam sebagai agama rasmi persekutuan, Perkara 11 yang memberi kuasa penyekatan pengembangan apa-apa agama ke atas umat Islam dan Perkara 12 mengenai hak pendidikan agama Islam.
- (iv) *Al-Wilayah al-Khassah* atau kuasa eksekutif utama negara di bawah kekuasaan orang Islam. Perkara 32 Perlembagaan memperuntukkan YDPA sebagai ketua utama negara adalah beragama Islam dan al-Sultan pula mengetahui kuasa-kuasa agama Islam di negeri-negeri. Manakala Perkara 39 dan 43 memberikan kuasa yang cukup bagi Yang Dipertuan Agong melantik Perdana Menteri yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Tanggungjawab ini telah dilaksanakan oleh Malaysia dengan portfolio utama negara, bermula daripada jawatan perdana menteri, timbalan perdana menteri, menteri pertahanan, menteri kewangan dan menteri agama adalah beragama Islam. Begitu juga, pelantikan ketua-ketua utama pentadbiran negara seperti ketua setiausaha negara, ketua

- hakim, ketua peguam negara dilantik daripada kalangan pegawai beragama Islam.
- (v) Majoriti penduduk Malaysia adalah umat Islam yang jika mereka bersatu pada akan mampu menegakkan Syariah Islam secara syumul. Sumber Jabatan Perangkaan Tahun 2010 mencatatkan penduduk Malaysia 32.7 juta dengan 63.3% adalah beragama Islam dan laporan bagi tahun 2017 bahawa 68.6% adalah bumiputera yang majoritinya beragama Islam.
 - (vi) Iklim dalam negara dikuasai Syariah Islam. Syiar Islam di Malaysia sangatlah menonjol dan ketara dengan laungan azan, masjid-masjid, pengurusan ibadat haji, institusi kewangan Islam, sekolah agama, wanita bertudung, pengajian-pengajian Islam kepada masyarakat umum dan amalan-amalan Islam menurut manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah boleh diamalkan secara bebas di Malaysia.

Pendapat ini adalah seimbang dan adil sebagai penyelesaian dalam isu ini dan sepatutnya diterima oleh semua pihak tanpa prejudis. Ini disebabkan, pelaksanaan Islam akan terus dipolemikkan dan kita tidak perlu membazir masa melayan pihak-pihak yang mempunyai agenda.

5. Kesimpulan

Ulama silam dan semasa sepakat bahawa status negara Islam itu diukur pada kekuasaan, jumlah penduduk dan keamanan umat Islam di dalam sesebuah negara. Oleh kerana kesatuan Islam telah dipecah-pecahkan kepada negara-negara kebangsaan, maka istilah-istilah bagi negara Islam juga telah beragam. Umumnya ia terbahagi kepada empat jenis: negara Islam *rasmi*, negara Islam *hukmi*, negara Islam *nisbi* dan negara Islam *tarikhi*.

Berdasarkan realiti semasa, negara-negara Islam telah saling mengiktiraf akan hakikat keislaman sesebuah negara melalui penyertaan dan penerimaan negara tersebut dalam OIC. Tiada lagi jenis negara ketiga kecuali negara Islam atau negara kafir. Justeru, walau apa pun istilah atau penamaan status sesebuah negara, ia tidak dapat keluar daripada memilih salah satu daripadanya, sama ada negara Islam atau negara kafir. Atas alasan ini, negara Islam *tarikhi* tidak boleh disifatkan sebuah negara Islam kecuali dari sudut persejarahan sahaja.

Malaysia adalah model negara Islam rasmi yang unik dan sempurna dari sudut status keislaman negara. Tidaklah pihak yang menafikan hakikat ini, kecuali kekeliruan dari sudut pandangannya sehingga dia tidak bersikap adil terhadap Malaysia. Manakala kelompok yang berjuang mensekularkan Malaysia telah menzalimi negara ini atas agenda-agenda yang tertentu.

Rujukan

Al-Quran

- Abdul Aziz Mat Don (2000), *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abd al-Karim Ahmad Tijani (t.th). *‘Asl al-‘Alaqah ma’a Ghair al-Muslimin wa al-Qawa’id al-Fiqhiyyah’*, *Nadawah: Tatawwur al-‘Ulum al-Fiqhiyyah, al-Nazariyyah al-Fiqhiyyah*. Jordan: Wazarah al-Awqaf wa al-Su’un al-Diniyyah.
- Abu Zahrah, Muhammad (1995), *al-‘Alaqah al-Dauliyyah fi al-Islam*. Mesir: Dar al-Fikri al-‘Arabi.
- ‘Arif Khalil Abu ‘Iyd (1996), *Nizam al-Hukm fi al-Islam*. Jordan: Dar al-Nafa’is.
- Al-Amir, Muhammad bin Isma’il bin Solah (2011), *al-Tanwir Sharh al-Jami’ al-Saghir*. Tahqiq: Muhammad Ishaq Muhammad Ibrahim. Riyad: Dar al-Islam.
- ‘Atiyyah Saqar (1997). “Dar al-Islam wa Dar al-Harb”. Akses: 20/9/2021. <http://islamport.com/w/ftw/Web/432/4619.htm>.
- Al-‘Awwa, Muhammad Salim (2006), *Fi al-Nizam al-Siyasi li al-Daulah al-Islamiyyah*. Kaheerah: Dar al-Shuruq.
- Britannica. (2021). “Organization of the Islamic Cooperation”. Akses 22 November 2021. <https://www.britannica.com/topic/Organization-of-the-Islamic-Cooperation>
- Al-Burnu, Siqdi bin Ahmad (2003), *Mausu’ah al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Arab Saudi; Mu’assah al-Risalah.
- Change.org. “Menuntut Pengiktirafan dan Penegasan bahawa Malaysia adalah Negara Islam”. Akses: 20/9/2021. <https://www.change.org/p/perdana-menteri-malaysia-menuntut-pengiktirafan-dan-penegasan-bahawa-malaysia-adalah-negara-islam>.
- Al-Dusuqi, Muhammad Ahmad (2003). *Hashiyah al-Dusuqi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Haikal, Muhammad Khair (1996), *al-Jihad wa al-Qital fi al-Siyasah al-Shar’iyyah*. Beirut: Dar Shariq.
- Hashim Yeop Abdullah Sani (1980), *Perlembagaan Kita*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers.
- Herdi Sahrasad (2017). “Muslim Albania: Kisah Marginal.” *SIASAT: Journal of Religion, Social, Cultural, and Political Scieces*. 1(1) January 2017, Universitas Paramadina, Indonesia. H. 45-50.
- Ibn Hajar al-Haitami (1993), *Tufah al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj*. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Hidayah Mohammad. Berita Harian. “Masjid Sentiasa berkunci di Albania” Akses 20/9/2021. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/08/71469/masjid-sentiasa-berkunci-di-albania>.
- Ibn Kathir (1999), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Kaheerah: Dar al-Tayyibbah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1997), *Ahkam Ahl al-Dhimmah*. Tahqiq: Yusuf Ahmad al-Bakri. Dammam: al-Rumadi li Nashr.
- Al-Kasani (1986), *al-Bada’i wa al-Sana’i’*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khatib al-Sharbini (1994), *al-Mughni al-Muhtaj fi Sharh Alfaz al-Minhaj*. Mesir: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mahir Hujah (2009). “Kedudukan Islam di dalam Perlembagaan Beberapa Negara Islam: Kajian di Malaysia, Indonesia, Mesir dan Pakistan”. Akses: 22/9/2021. <http://mahir-al-hujah.blogspot.com/2009/04/kedudukan-islam-di-dalam-perlembagaan.html>
- Mahmood Zuhdi Hj Abd. Majid (1997), *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mediacorp. “20% penduduk S’pura tidak anuti sebarang agama, lebih tinggi berbanding banci penduduk sebelumnya”. Akses; 20 September 2021. <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/20-penduduk-s-pura-tidak-anuti-sebarang-agama-lebih-tinggi/4622138.html>.

- Michael H. Hart (1978), *The 100: A Ranking Of The Most Influential Persons In History*. New York: Hart Publishing Company.
- Mohamed Azam Mohamed Adil et. al. (2006), *Perundangan Dan Kenegaraan Islam*. Kuala Lumpur: IBook Publication.
- Mohamed Azam bin Mohamed Adil (2020). Berita Harian. "Malaysia Bukan Negara Sekular. Akses 22 November 2021. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/01/648103/malaysia-bukan-negara-sekular>.
- Al-Mubarakfuri, Abu al-'Alla' (t.th), *Tuhfaz al-Ahwadhi bi Jami' Sharh al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Khalis Ibrahim dan Asyikin Ab Halim (2020). "Proses Pendemokrasian di Turki. Analisa Terhadap Pindaan Perlembagaan Tahun 2020". *Jurnal of Tamadun*. Vol. 15(2). Universiti Malaya. H. 178-182. Akses: 21/9/2012. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/27856/12563>
- Muhammad Amnan Hibrami. Sinar Harian. "Malaysia Bukan Negara Sekular Mahupun Negara Islam". 28 Mei 2018. Akses: 20 September 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/141068/BERITA/Nasional/Malaysia-bukan-negara-sekular-mahupun-negara-Islam>
- Mstar (2013). "Malaysia Negara Islam. Muzakarah Pakar". 21 Febuari 2013. Akses 20/9/2021: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/02/21/malaysia-negara-islam--muzakarah-pakar>.
- Nazri Muslim. "Isu negara Islam, sekular kembali dibahaskan" Berita Harian, Online, 18 Jun 2015. Akses: 19/9/2021: <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/06/438842/isu-negara-islam-sekular-kembali-dibahaskan>.
- OIC. (2021) "Members States". Akses 22 November 2021. <https://www.oic-oci.org/states/?lan=en>.
- Pertubuhan Pembela-Pembela Islam. (2021). "Menuntut Pengiktirafan dan Penegasan bahawa Malaysia adalah Negara Islam". Akses: 23 September 2021. <https://pembela.com.my/petition/menuntut-pengiktirafan-dan-penegasan-bahawa-malaysia-adalah-negara-islam/>
- Prasasta Widiadi. Satu Harapan. "PM Lee: Singapura Negara Sekuler tapi Jamin Kebebasan Beribadah" Akses: 28 September 2021. <https://www.satuharapan.com/read-detail/read/pm-lee-singapura-negara-sekuler-tapi-jamin-kebebasan-beribadah>. 4 Julai 2015
- Al-Qaradawi, Yusuf (1993), *Min Fiqh al-Daulah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qurtubi (1999), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Tahqiq: Siddiqi Jamil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rohmatul Nur Zaenab (2019). "Pengelolaan Wakaf Di Singapura". Akses 28/9/2021. <file:///C:/Users/User/Downloads/326-Article%20Text-1137-1-10-20210825.pdf>. H. 2-3.
- Ruzman Md Nor. (1995). Pandangan Abi A'la Al-Maududi Mengenai bentuk Negara Islam. *Monograf Syariah*, Mei 1995, Fakulti Syariah Akademi Islam, UM, Kuala Lumpur. H. 35-36.
- Sa'id Hawwa (1993), *al-Islam*. Cet. 2. Mesir: Maktabah Dar-al-Salam.
- Shaw, George Bernard (1936), *The Genuine Islam*, Vol. 1. No. 8.
- Shukri Mohamad (t.th), "Negara Islam Malaysia: Satu Huraian Ilmiah" Akses: 20/9/2021. <https://www.scribd.com/doc/72533365/Negara-Islam-Malaysia-Satu-Huraian-Ilmiah>, Akademi Pegajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. H. 4.
- Al-Shuhud, 'Ali Nayif (t.th), *al-Mufasssal fi Sharh al-Shurut al-'Umraniyyah*. T.Tmp. Maktabah Nur.
- Solidaritas. (2021). "Malaysia Bukan Negara Islam". Akses 20 September 2021. <https://solidaritas.my/malaysia-bukan-negara-islam/>.

- Al-Tariqi, ‘Abdullah bin Ibrahim bin ‘Ali (1993), *al-Isti’anaah bi ghair al-Muslimin fi al-Fiqh al-Islami*, Cet. Ke-3, Mu’assah al-Risalah, Arab Saudi.
- Utusan Borneo (2014) “Malaysia Bukan Negara Sekular: Jamil Khir”. Akses: 23 November 2021. <https://www.utusanborneo.com.my/2014/06/17/malaysia-bukan-negara-sekular-jamil-khir>.
- Wan Zailan Kamarudin Ali & Ahmad Zuhdi Ismail(2017). “Masyarakat Melayu Muslim di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran Dalam Pemikiran Era Globalisasi. Akses: 20 September 2021. https://www.researchgate.net/publication/322826697_Masyarakat_Muslim_Melayu_di_Singapura_Kajian_Terhadap_Isu_dan_Tantangan_dalam_Dakwah_dan_Pemikiran_Islam_Era. H. 2-5.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. (1990), *al-Fard wa al-Daulah fi al-Shari’ah al-Islamiyyah*. Arab Saudi: Mu’assah al-Risalah.
- Zakaria Stapa. (1994), *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakariya al-Ansari (t.th), *Asna al-Matalib fi Sharh Raud al-Talib*. T. tmp: Dar al-Kitab al-Islami.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1998), *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr
- Al-Zuhayli, Wahbah (1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

